

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Ekonomi adalah satu bidang ilmu sains sosial yang mengkaji tentang individu dan masyarakat dalam membuat pilihan yang cekap bagi menggunakan sumber ekonomi yang terhad seperti tanah, buruh, modal dan usahawan dengan kehendak manusia yang tidak terhad.

Di Malaysia, sistem ekonominya terbahagi kepada dua iaitu sistem ekonomi kapitalis dan sistem ekonomi Islam. Sistem ekonomi Islam mula diperkenalkan secara menyeluruh pada tahun 1983 dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Kini sistem ekonomi yang berteraskan Islam ini mula mendapat perhatian masyarakat, pelbagai produk kewangan telah diperkenalkan antaranya ialah takaful, al-Wadiah, Mudharabah dan ar-Rahnu.

Konsep pajak gadai Islam atau ar-Rahnu adalah satu sistem yang diperkenalkan pada tahun 1993. Kehadirannya mendapat perhatian masyarakat sama ada Islam dan bukan Islam. Justeru, kaedah pengaplikasian skim tersebut adalah mengikut syariat. Firman Allah S.W.T :

﴿ وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَيْنْ مَقْبُوضَةً ۚ فَإِنْ أَفْنِ
 بَعْضُكُمْ بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي أُؤْتِمِنَ أَمْنَتَهُ ۖ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ ۗ وَلَا
 تَكْتُمُوا الشَّهَادَةَ ۗ وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ آثِمٌ قَلْبُهُ ۗ وَاللَّهُ بِمَا
 تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨٣﴾

Maksudnya; “*dan jika kamu dalam musafir sedang kamu tidak dapat seorang penulis maka hendaklah ada barang jaminan yang dipegang. Tetapi jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain , hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanatnya dan hendaklah bertaqwa kepada Allah. Dan janganlah kamu sembunyikan kesaksian kerana barang siapa yang menyembunyikannya sungguh hatinya kotor (berdosa) dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan*”.

(Surah al-Baqarah 2: 283)

Kewujudan skim ini dijangka dapat membantu ramai masyarakat Malaysia yang memerlukan wang tunai segera. Skim ini bukan sahaja dapat membantu golongan yang berpendapatan rendah tetapi juga golongan masyarakat yang lain yang memerlukan pinjaman mikro kredit yang cepat tanpa ada unsur riba’ serta menguntungkan kedua-dua belah pihak sama ada penggadai atau penerima gadaian.

1.2 Latar Belakang Masalah

Skim pajak gadai bukanlah satu fenomena baru kepada masyarakat Malaysia, malah ia merupakan institusi yang cukup dikenali oleh masyarakat bawahan serta golongan yang memerlukan wang segera sebagai satu saluran mudah untuk mendapatkan perkhidmatan pinjaman jangka pendek. Bagaimanapun, sejak zaman British di negara ini, perniagaan pajak gadai telah diusahakan oleh golongan bukan

Islam. Transaksi yang berlaku adalah melibatkan unsur-unsur *gharar* dan bersifat menekan (Utusan Malaysia, 28 Mac 2006).

Hari ini skim ar-Rahnu yang merupakan skim pinjaman pajak gadai tanpa faedah telah diperkenalkan kepada umum. Transaksi yang ditawarkan oleh skim ini bersifat menolong serta bebas dari unsur riba dan *gharar*. Kewujudannya dalam masyarakat telah membawa satu perubahan yang sangat baik kerana dapat melepaskan golongan yang biasa berurusan dengan pajak gadai konvensional daripada belenggu faedah yang tinggi iaitu sebanyak 2% hingga 4% daripada nilai emas semasa. (www.angkasa.coop/pelancar/Arkib/Jan05/januari5.htm, 20 November 2007)

Oleh sebab skim pajak gadai konvensional membebankan penggunanya, maka kehadiran skim ar-Rahnu merupakan satu alternatif terbaik untuk mengatasi masalah ini sekaligus dapat membendung unsur yang bertentangan dengan muamalah Islam terutama berkaitan dengan riba dan *gharar*. Hal ini merupakan permasalahan utama yang berlaku dalam skim pajak gadai konvensional.

Sejak diperkenalkan secara rasmi pada 27 Oktober 1993 banyak pengiktirafan telah diberi kepada skim ar-Rahnu. Antaranya memetik kata-kata YAB. Dato' Seri Najib Tun Razak dalam ucapan Perasmian Konvensyen ar-Rahnu Serantau pada 12 Oktober 2004:

“Kerajaan menyokong penuh pelaksanaan Program Mikro Kredit-Skim ar-Rahnu yang dilaksanakan menerusi YPIEM dan badan-badan lain dan akan memastikan hasrat meluaskan penawarannya hingga menjadi 400 buah kaunter akan menjadi kenyataan dalam masa terdekat ini. ”

(Laporan Sekretariat ar-Rahnu Serantau, 2004)

Tun Mahathir Mohamad juga pernah menyentuh berkenaan dengan ar-Rahnu dalam ucapannya pada 18 Jun 1999 sempena dengan Perhimpunan Agong UMNO. Beliau menyatakan:

“ ...banyak kemajuan dalam melaksanakan hukum-hukum Islam berkenaan pentadbiran dan pengurusan ekonomi di zaman moden yang didominasi oleh sistem Barat diterokai dan dimajukan di Malaysia. Sistem bank Islam, insuran Islam dan pajak gadai Islam dicipta oleh Malaysia dan berjaya bersaing dengan sistem Barat. Demikianlah kemajuan sistem Islam yang dibentuk oleh Malaysia sehingga banyak negara Islam lain meniru sistem kita ini. Orang bukan Islam juga turut menerima sistem bank , insuran dan pajak gadai Islam ciptaan Malaysia.”

(Laporan Koperasi YPEIM, 2004)

Penerimaan serta penglibatan masyarakat terhadap skim ini tidak dapat dipertikaikan lagi. Skim ini telah banyak membantu golongan bawahan serta golongan yang memerlukan wang segera. Menurut Najid Tun Razak, kehadiran ar-Rahnu sangat relevan dalam membantu kerajaan mengatasi kegiatan pemberian pinjaman secara tidak sah dan tidak bermoral (BERNAMA, 12 Oktober 2004).

Kewujudan skim ar-Rahnu begitu mendapat sambutan sehingga penambahan pelanggan berlaku setiap tahun. Menurut laporan kewangan yang dikeluarkan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), dari tahun 1993 hingga 2005 jumlah pelanggan ar-Rahnu adalah 1.6 juta orang dengan penglibatan pembiayaan sebanyak RM1.52 billion, manakala menurut laporan kewangan yang dikeluarkan oleh Bank Rakyat pembiayaan ar-Rahnu pada tahun 2005 adalah sebanyak RM 295,127,000 juta. Pada tahun 2006 pula berlaku peningkatan sebanyak 40% menjadi RM 687,658,000 juta (Laporan Kewangan Bank Rakyat, 2006).

Selain mendapat sambutan yang baik daripada orang Islam, skim ini juga turut mendapat perhatian orang bukan Islam. Persoalannya adalah apakah yang membuatkan masyarakat bukan Islam beralih untuk mengaplikasi skim ini dalam muamalah mereka. Oleh sebab itu, penyelidik berasa terpanggil untuk mengkaji tentang apakah sebab-sebab yang membuatkan orang bukan Islam sangat berminat

untuk berurusan dengan skim ar-Rahnu sedangkan mereka tidak tahu mengenai syariat Islam berbanding dengan orang Islam.

1.3 Penyataan Masalah

Penglibatan orang bukan Islam dalam skim ar-Rahnu merupakan satu petanda bahawa Islam itu mudah dan boleh diterima dalam semua keadaan. Kehadirannya bukan untuk membebankan umat tetapi untuk memberikan kemudahan kepada mereka. Oleh sebab ar-Rahnu mendapat penerimaan yang baik di kalangan orang bukan Islam jadi penyelidik tertarik untuk mengkaji apakah faktor yang menyebabkan orang bukan Islam tertarik dengan skim ini dan apakah pula faktor yang menghalang skim ar-Rahnu tidak dipilih oleh orang bukan Islam serta langkah yang bagaimanakah yang harus diambil untuk memperkembangkan lagi skim ar-Rahnu di kalangan masyarakat bukan Islam.

1.4 Objektif Kajian

Di antara objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji faktor yang mendorong penglibatan masyarakat bukan Islam dalam skim ar-Rahnu.
2. Mengenal pasti faktor-faktor penghalang masyarakat bukan Islam menyertai skim ar-Rahnu.
3. Mengenal pasti langkah-langkah untuk memperkembangkan skim ar-Rahnu kepada masyarakat bukan Islam.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, persoalan kajian dalam penyelidikan ini ialah:

1. Apakah faktor-faktor yang mendorong penglibatan masyarakat bukan Islam dalam skim ar-Rahnu?
2. Apakah faktor-faktor penghalang masyarakat bukan Islam menyertai skim ar-Rahnu?
3. Apakah langkah-langkah untuk memperkembangkan skim ar-Rahnu kepada masyarakat bukan Islam?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil daripada dapatan kajian diharap dapat memberi penambahan maklumat atau ilmu pengetahuan kepada masyarakat umum mengenai konsep ar-Rahnu supaya orang ramai faham tentang konsepnya serta dapat mengambil kelebihan yang terdapat padanya.

Selain sumbangan kepada penambahan ilmu pengetahuan, dapatan ini juga diharap dapat memberi sumbangan kepada pihak pengurusan ar-Rahnu untuk membuat kajian selanjutnya bagi mengkaji sejauh manakah penerimaan orang ramai terhadap produk kewangan Islam. Demikian juga, dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan pencetus supaya ia dapat digunakan bagi membuat perancangan untuk masa hadapan bagi membangunkan lagi sistem kewangan Islam.

Justeru, penyelidik juga berharap hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai satu landasan untuk pihak-pihak tertentu seperti pihak Bank Rakyat, pihak kerajaan dan orang ramai untuk mencari satu strategi baru yang boleh menarik orang bukan Islam untuk melanggan skim ar-Rahnu sekaligus dapat memperkenalkan keindahan Islam itu sendiri.

Di samping itu, hasil kajian ini boleh diguna pakai oleh pihak pengurusan Bank Rakyat dan badan-badan berwajib yang lain untuk dijadikan sebagai rujukan bagi meningkatkan lagi perkhidmatan skim ar-Rahnu yang telah disediakan. Dapatan ini juga dipercayai berguna dan dapat memberikan maklumat kepada pihak kerajaan untuk mengetengahkan lagi aktiviti yang berkaitan dengan sistem kewangan Islam.

Secara keseluruhannya dapatan hasil kajian ini mampu memberi maklumat baru dan dapat diguna pakai oleh pihak tertentu untuk memakmurkan bumi Allah.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya akan memfokuskan kepada faktor-faktor yang menyebabkan penglibatan masyarakat bukan Islam dalam skim ar-Rahnu. Selain itu, kajian juga menfokuskan kepada apakah faktor yang menghalang orang bukan Islam tidak menyertai skim ini serta kajian juga turut memfokuskan kepada apakah langkah-langkah yang harus diambil untuk memperkembangkan lagi skim ar-Rahnu kepada masyarakat bukan Islam.

Selain itu, kajian dijalankan antara bulan Ogos 2007 sehingga Januari 2008 di Bank Rakyat Taman Universiti. Kajian ini hanya tertumpu di Bank Rakyat sahaja kerana bank ini menyediakan kemudahan ar-Rahnu kepada pelanggan selain sambutan yang baik diberikan. Kajian tidak melibatkan mana-mana bank lain kerana mereka tidak menyediakan kemudahan ar-Rahnu kepada pelanggan. Manakala responden yang terlibat adalah terdiri daripada staf bank tersebut. Hasil daripada kajian ini diharap akan memberi gambaran yang jelas mengenai penglibatan masyarakat bukan Islam dalam skim ar-Rahnu.

1.8 Definisi Istilah

Istilah-istilah yang digunakan di dalam penulisan ini membawa maksud tersendiri. Definisi yang dibuat adalah untuk memudahkan pembaca memahami istilah tersebut supaya tidak terkeliru dengan istilah umum.

1.8.1 Persepsi

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002 : 1025) persepsi membawa maksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera) dan tanggapan. Persepsi dalam kajian ini ialah pendapat responden tentang perkara yang dikaji oleh pengkaji.

1.8.2 Staf

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002 : 1303) staf bermaksud kumpulan pekerja yang bekerja bersama-sama (di bawah ketua yang sama), kakitangan. Oleh yang demikian staf bank membawa maksud satu kumpulan pekerja yang bekerja di bank.

1.8.3 Masyarakat

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002 : 865) masyarakat membawa maksud kumpulan manusia yang hidup bersama (di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu), pergaulan hidup.

1.8.4 Sistem

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002 : 1292) sistem bermaksud cara atau kaedah untuk melakukan sesuatu aturan. Jadi sistem disini membawa maksud atauran dalam urusan pajak gadai.

1.8.5 Pajak gadai

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002 : 958) pajak bermaksud kuasa untuk mengerjakan sesuatu dengan membayar sewa kepada kerajaan dan lain-lain. Pajak gadai di sini membawa maksud seseorang telah mencagarkan sesuatu benda yang berharga untuk mendapatkan wang dari pihak kedai pajak gadai.

Manakala gadaian pula membawa maksud satu penyerahan benda atau benda dalam tindakan oleh seseorang penghutang kepada pemiutang sebagai jaminan untuk hutangnya. Gadaian menurutnya adalah alat untuk memberi suatu kuasa menjual jika penggadai mungkir menjelaskan bayaran dalam tempoh yang munasabah setelah dituntut sekiranya tiada tempoh tertentu bagi menjelaskan pembayaran itu.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya dalam bab ini telah membincangkan mengenai latar belakang masalah yang berkaitan dengan skim ar-Rahnu serta pernyataan masalahnya. Selain itu bab ini juga turut membincangkan mengenai kepentingan kajian serta sejauhmana batasan kajian ini. Dalam bab ini juga turut membincangkan mengenai objektif yang hendak dicapai serta beberapa definisi istilah turut diberikan.